

0726

U B973 AAB
MAHATHIR - PELARIAN

KUALA LUMPUR, 12 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN NEGARA KETIGA SUPAYA MENUNAIKAN JANJI UNTUK MENGAMBIL KESEMUA PELARIAN VIETNAM DI MALAYSIA TANPA MEMBUAT SEBARANG PEMILIHAN DI KALANGAN PELARIAN ITU.

KATANYA, TERDAPAT KALANGAN NEGARA KETIGA YANG MEMILIH PELARIAN YANG +BAIK+ SAHAJA UNTUK DIBAWA KE NEGARA MEREKA DAN MENINGGALKAN YANG +BURUK+ DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) DI IBU PEJABAT UMNO, DI SINI.

KATANYA, TINDAKAN MEMILIH SEUMPAMA ITU ADALAH TIDAK WAJAR KERANA NEGARA-NEGARA KETIGA TELAH BERSETUJU BAHAWA MALAYSIA HANYA MERUPAKAN TEMPAT PERLINDUNGAN SEMENTARA SAHAJA.

PERDANA MENTERI JUGA MENAFIKAN LAPORAN KONONNYA MALAYSIA MENGHALAU PELARIAN VIETNAM.

BELIAU BERKATA, PIHAK BERKENAAN BOLEH MELIHAT KEADAAN DAN BILANGAN PELARIAN YANG RAMAI DI PULAU BIDONG.

KATANYA, BELIAU JUGA TIDAK MENDAPAT APA-APA BANTAHAN DARIPADA PEJABAT PESURUHJAYA TINGGI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU BAGI ORANG-ORANG PELARIAN (UNHCR) MENGENAI PERKARA ITU. -- BERNAMA.

1340MST 12 04 90